



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(UTMSPACE)

---

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 – SESSION 2015 / 2016  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE /                   : DDSE 0063 / DSE 0063  
KOD KURSUS

COURSE NAME /                   : PRINCIPLE OF ECONOMICS /  
NAMA KURSUS                   : PRINSIP EKONOMI

YEAR / PROGRAMME             : PENGUKUHAN  
TAHUN / PROGRAM

DURATION /                   : 2 HOURS / 2 JAM  
TEMPOH

DATE /                       : APRIL 2016  
TARIKH

---

INSTRUCTION                   : Answer ALL questions in the answer booklets provided.  
ARAHAH                       : Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

( You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script )  
( Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan )

NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE'S NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

---

This examination paper consists of 4 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 4 muka surat termasuk kulit hadapan

**ANSWER FOUR (4) QUESTIONS ONLY  
[ JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA.]**

**(100 MARKS / MARKAH)**

- Q1. (a) Jelaskan hubungan di antara harga dan kuantiti permintaan dengan menggunakan jadual dan keluk permintaan. ( 5m )
- (b) Selain daripada harga barang itu sendiri terangkan lima (5) faktor lain yang menentukan permintaan. ( 10m )
- (c) Jelaskan keanjalan harga permintaan yang berikut:
- Anjal harga permintaan.
  - Tidak anjal harga permintaan.
- ( 10m )
- Q2. (a) Terangkan perbezaan kos tetap dan kos berubah dalam proses pengeluaran. ( 10m )
- (b) Jadual di bawah menunjukkan Kos Pengeluaran Firma Dalam Jangka Pendek. Lengkapkan jadual di bawah dan terangkan hubungan di antara tingkat keluaran dengan kos purata dan kos marginal.
- | Keluaran (unit) | Jumlah Kos (RM) | Kos Purata (RM) | Kos Marginal (RM) |
|-----------------|-----------------|-----------------|-------------------|
| 0               | 100             |                 |                   |
| 2               | 126             |                 |                   |
| 4               | 138             |                 |                   |
| 6               | 157             |                 |                   |
| 8               | 192             |                 |                   |
| 10              | 260             |                 |                   |
- ( 15m )
- Q3. (a) "Struktur ekonomi negara kini mengalami perubahan daripada sektor utama kepada sektor perindustrian."  
i. Mengapakah perubahan tersebut perlu dalam struktur ekonomi negara? ( 8m )  
ii. Terangkan strategi yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan peranan sektor perindustrian. ( 7m )
- (b) Terangkan perbezaan di antara cukai langsung dengan cukai tidak langsung. ( 10m )

- Q4. (a) Negara-negara yang menjalankan perdagangan antarabangsa lazimnya akan mengenakan sekatan-sekatan terhadap barang import dan eksport. Huraikan kepentingan sekatan-sekatan perdagangan antarabangsa kepada sesebuah negara. ( 15m )
- (b) Nyatakan jenis-jenis sekatan perdagangan antarabangsa dan kesannya kepada ekonomi Malaysia. ( 10m )
- Q5. (a) Terdapat beberapa akaun di dalam imbalan pembayaran Malaysia. Jelaskan akaun semasa yang terkandung di dalam imbalan pembayaran Malaysia. ( 10m )
- (b) Mengapa imbalan akaun dagangan lebih berlaku? Jelaskan cara-cara untuk menambahkan lagi lebih itu. ( 15m )

Q6.

### JAWATAN KOSONG

- (1) OPERATOR PENGETAHUAN (RM600)  
(2) KERANI AKAUN (RM1200)

Syarikat kami menawarkan gaji pokok yang lumayan dan faedah sampingan yang menarik. Calon-calon yang berminat sila hadirkan diri untuk temu duga terbuka di alamat berikut:

**ZAS Sendirian Berhad**  
Wisma ZAS, 111-113, Jalan Perdana 8, Damansara,  
88100, Kuala Lumpur.

- (a) Berdasarkan iklan di atas, jelaskan mengapa wujudnya perbezaan upah untuk jawatan (1) dengan jawatan (2)? ( 8m )
- (b) Berikan contoh-contoh faedah sampingan yang mungkin disediakan oleh ZAS Sendirian Berhad. ( 7m )
- (c) Apakah upah benar? Bagaimanakah perubahan harga purata mempengaruhi upah benar seseorang? ( 10m )